

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : PROGRAM JOM SHOPPING

21. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan bersedia untuk meningkatkan jumlah bayaran Jom Shopping dari RM100 kepada RM150 seorang atas sebab peningkatan harga barang?

JAWAPAN:

- a) Program Pemberian Bantuan Secara Baucer untuk Rakyat Miskin Bersempena Perayaan atau lebih dikenali sebagai Program *Jom Shopping* merupakan program bantuan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri secara tahunan sejak tahun 2012 melalui Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan dan Pembangunan Sosio Ekonomi. Ianya merupakan program bantuan bersempena tiga (3) perayaan utama iaitu Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidilfitri dan Deepavali di mana setiap keluarga yang kurang berkemampuan akan membuat pembelian barangan keperluan bernilai RM100 di pasar raya terpilih. Objektif program ini adalah untuk meringankan bebanan keluarga yang kurang berkemampuan dalam membuat persiapan menyambut perayaan.

Kerajaan Negeri Selangor sentiasa mengambil pendekatan “peduli rakyat” dalam usaha membantu meringankan bebanan rakyat dalam pelbagai dimensi dengan memberi manfaat kepada semua rakyat tanpa mengira etnik. Dalam memastikan rakyat terutamanya golongan kurang berkemampuan sentiasa mendapat manfaat serta terus menikmati kemakmuran dan kesejahteraan, Kerajaan Negeri mengalu-alukan sebarang syor atau cadangan penambahbaikan program.

Justeru itu, Kerajaan Negeri mengambil perhatian akan cadangan menaikkan nilai baucer daripada RM100.00 kepada RM150.00 bagi program ini. Untuk makluman, jumlah perbelanjaan tahunan bagi program ini melibatkan perbelanjaan yang tinggi. Sebagai contoh, bagi tahun 2017 sahaja, jumlah perbelanjaan dengan nilai RM100 per baucer adalah sebanyak RM8,311,000.00. Berdasarkan rekod, jumlah perbelanjaan bagi program ini sejak ianya mula dilaksanakan pada tahun 2012 sehingga 24 Ogos 2018 adalah sebanyak RM44,837,700.00. Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah memperkenalkan program-program bantuan lain seperti Program Kasih Ibu *Smart* Selangor (KISS) pada tahun 2018, di mana setiap keluarga menerima bantuan makanan asas sebanyak RM2,400 setahun atau RM200

sebulan melalui pembelian di pasaraya dan kedai runcit terpilih. Program tersebut turut melibatkan peruntukan yang tinggi iaitu berjumlah RM96,000,000.00.

Oleh yang demikian, cadangan untuk menaikkan nilai setiap baucer daripada RM100 kepada RM150 ini dijangka akan melibatkan komitmen kos yang lebih tinggi serta ianya dilihat perlu diteliti semula secara terperinci bagi melihat jangkaan impak/ kesan pelaksanaannya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

TAJUK : LORI HARAM DAN AKTIVITI PENJUALAN TANAH MERAH

22. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk menguatkuasakan undang-undang terhadap lori-lori haram yang mengangkut tanah atau pasir serta menyebabkan kerosakan ke atas jalan raya?
- b) Apakah langkah Kerajaan bagi mengawal aktiviti memotong bukit bagi tujuan penjualan tanah merah secara haram?

JAWAPAN:

- a) Tindakan Kerajaan Negeri bagi menguatkuasakan undang-undang terhadap lori-lori haram yang mengangkut tanah atau pasir tanpa kebenaran adalah dengan merujuk kepada Seksyen 426 (1) Kanun Tanah Negara (KTN) yang memperuntukkan tindakan denda jika disabitkan kesalahan seperti mencabut, memindah, mengangkut, membenarkan pencabutan, pemindahan atau pengangkutan bahan batuan dari mana-mana tanah tanpa kebenaran yang sah iaitu suatu denda yang tidak melebihi lima ratus ribu ringgit (RM500,00.00) atau dipenjarakan untuk suatu tempoh yang tidak melebihi lima (5) tahun atau kedua-duanya sekali.

Mana-mana orang yang disabitkan dengan suatu kesalahan di bawah seksyen ini, bolehlah diperintah supaya membayar kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN), disamping apa-apa denda yang dikenakan apabila disabitkan, pampasan yang sama nilainya dengan bahan batuan yang dipersoalkan, dan nilai apa-apa kayuan yang dipotong atau dimusnahkan dalam menjalankan pencabutannya.

- b) Kesemua Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) melalui Unit Penguatkuasaan bertugas untuk menguatkuasakan dan mengawal aktiviti memotong bukit bagi tujuan penjualan tanah merah secara haram. Unit Penguatkuasaan setiap PDT akan memantau Tanah Kerajaan dan juga Tanah Hakmilik yang mempunyai kawasan tanah yang bercirikan tanah merah samada kawasan berbukit ataupun tidak.

Tindakan pengawalan dan pemantauan yang dijalankan merupakan tindakan prosedur yang dijalankan secara berkala dan juga sekiranya mendapat aduan terus daripada orang awam samada melalui panggilan telefon, e-mel, media massa dan yang seumpama dengannya.

Tindakan rampasan yang diperuntukkan di bawah Seksyen 426 (1)(b) terhadap jentera yang melakukan aktiviti pencabutan sebarang bahan batuan termasuklah tanah merah akan dikuatkuasakan sekiranya dijumpai terlibat secara langsung mahupun tidak langsung.

Ini jelas dengan penerangan di bawah peruntukan seksyen ini akan tindakan yang boleh dikenakan terhadap sebarang aktiviti pengalihan bahan batuan yang dijumpai diangkut secara tidak sah namun berada di bawah atau di luar kawalan pemilik tanah tersebut. Sebarang tindakan pengangkutan atau pencabutan bahan batuan yang tidak sah akan dianggap telah berlaku walaupun pemilik tanah menyatakan bahawa tidak menyedari akan aktiviti haram yang berlaku di atas tanah milik mereka.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : PELABURAN MASUK KE SELANGOR

23. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan secara terperinci status terkini pelaburan di Selangor mengikut daerah.
- b) Nyatakan perbandingan jumlah pelaburan Selangor dengan negeri-negeri lain di Malaysia sehingga Julai 2018.

JAWAPAN:

- a) Bagi tempoh **Januari hingga Mac 2018**, Negeri Selangor telah merekodkan kelulusan projek perkilangan sebanyak **38 projek dengan nilai pelaburan bernilai RM812,649,654**. Dari jumlah ini sebanyak **RM426,893,005** adalah daripada pelaburan tempatan dan sebanyak **RM385,756,649** daripada pelaburan asing.

Daerah Petaling mencatatkan jumlah nilai pelaburan tertinggi berbanding daerah-daerah di Negeri Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah **RM347,090,118 dengan 12 projek**. Ini diikuti **Daerah Klang** sebanyak **RM112,403,322 dengan 9 projek** dan **Daerah Kuala Langat** sebanyak **RM101,637,700 dengan 3 projek**.

Maklumat terperinci seperti berikut:-

Daerah / Lokasi	Bil. Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Petaling	12	679	149,492,419	197,597,699	347,090,118
Klang	9	569	65,883,758	46,519,564	112,403,322
Kuala Langat	3	72	43,995,667	57,642,033	101,637,700
Kuala Selangor	3	254	62,710,883	30,925,323	93,636,206
Hulu Langat	4	234	88,686,877	0	88,686,877
Gombak	3	39	5,173,401	53,072,030	58,245,431
Hulu Selangor	1	72	10,950,000	0	10,950,000
Sepang	0	0	0	0	0
Sabak Bernam	0	0	0	0	0

Daerah / Lokasi	Bil. Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Lain – Lain Kawasan	0	0	0	0	0
Jumlah	35	1,919	426,893,005	385,756,649	812,649,654

* Sumber : MIDA

- b) Dari segi bilangan projek, **Selangor** mencatatkan kelulusan **projek perkilangan tertinggi** dengan **35 projek**, diikuti **Johor** dengan **31 projek** dan **Pulau Pinang** sebanyak **22 projek**. Ini menunjukkan Negeri Selangor menyumbang sebanyak **25%** dari keseluruhan jumlah projek perkilangan yang diluluskan di Negeri Malaysia.

Bagi tempoh **Januari hingga Mac 2018**, **Selangor** menduduki **tangga keenam berbanding negeri-negeri yang** mencatatkan jumlah nilai pelaburan tertinggi iaitu sebanyak **RM812,649,654**. **Negeri Terengganu** mencatatkan nilai pelaburan tertinggi berbanding negeri-negeri lain dengan nilai pelaburan berjumlah **RM4,163,610,000**. Ini diikuti oleh Negeri **Pahang** sebanyak **RM3,454,360,450**, **Negeri Sembilan** sebanyak **RM1,179,068,065**, **Negeri Pulau Pinang** sebanyak **RM1,019,329,929** dan **Johor** sebanyak **RM868,085,396**.

Maklumat terperinci seperti berikut;-

Negeri	Bil. Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Terengganu	3	1,734	0	4,163,610,000	4,163,610,000
Pahang	3	3,839	962,450	3,453,398,000	3,454,360,450
Negeri Sembilan	10	877	668,632,596	510,435,469	1,179,068,065
Penang	22	996	438,860,367	580,469,562	1,019,329,929
Johor	31	5,277	468,700,897	399,384,499	868,085,396
Selangor	35	1,919	426,893,005	385,756,649	812,649,654
Kedah	8	543	79,982,203	425,673,272	505,655,475
Perak	9	514	235,716,169	14,088,799	249,804,968
Melaka	7	320	100,142,233	0	100,142,233
Sarawak	3	159	45,650,000	0	45,650,000

Negeri	Bil. Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Sabah	2	61	26,559,060	16,485,940	43,045,000
Kelantan	2	128	40,300,992	0	40,300,992
W. P. Kuala Lumpur	2	70	3,355,716	25,632,293	28,988,009
W. P. Labuan					0
Perlis					0
Jumlah	137	16,437	2,535,755,688	9,974,934,483	12,510,690,171

* Sumber : MIDA

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR
(N26 SUNGAI RAMAL)**

TAJUK : PENDIDIKAN

24. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini naik taraf Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) kepada taraf universiti?
- b) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk mengurangkan kos yuran pengajian yang dikenakan oleh Kolej Universiti Antarabangsa Selangor (KUIS)?

JAWAPAN:

- a) Kolej universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) telah membuat permohonan untuk dinaiktarafkan sebagai Universiti penuh melalui sistem *MyUpGrade Online Upgrading Self-Assessment for Private Higher Education Institutions*, Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) bermula pada tahun 2016. Pihak KUIS telah melepasi syarat kelayakan untuk dinaiktarafkan sebagai Universiti Penuh dengan markah layak untuk dipertimbangkan adalah **75%**. Bagi tahun 2018 markah yang diperolehi oleh KUIS adalah **91.61%**. Akan tetapi KUIS masih tidak memenuhi 2 kriteria pada *Section: Fundamental* No 1. iaitu bagi *Current Paid Up Capital* yang masih tidak mencapai RM20 juta dan *Section: Important* No 9 iaitu *Percentage of International Students* bagi dinaiktarafkan sebagai Universiti penuh.

Disertakan maklumat tambahan untuk rujukan bagi jumlah markah yang diperolehi KUIS bagi tahun 2018 untuk rujukan seperti lampiran A untuk *Online Self Assesment*, di lampiran B *Online Upgrading Self-Assessment - Administration* dan lampiran C untuk *Assesment Overview*.

- b) Kerajaan negeri sentiasa berusaha meminimumkan kadar kos yuran yang dikenakan oleh institusi pengajian tinggi di bawah Negeri Selangor. Walau bagaimanapun yuran Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) masih berada di tahap yang rendah berbanding Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTTS) yang lain. Selain itu, KUIS juga menawarkan penajaan yuran kepada pelajar asasi yang layak untuk melanjutkan pengajian.

Namun, sekiranya pengurangan kos yuran pengajian ingin dilaksanakan dana sebanyak RM33 juta diperlukan bagi menampung jumlah 11,000 orang pelajar ketika ini pelajar yang merangkumi pelajar diploma, ijazah, sarjana dan doktor falsafah (PhD) dengan kadar yuran KUIS boleh dikurangkan sehingga 20% iaitu sebanyak RM3,000.00 seorang.

Oleh itu, untuk mengurangkan kadar yuran pengajian satu kajian menyeluruh perlu dilakukan bagi memastikan kedudukan kewangan KUIS berada di tahap yang mencukupi untuk tujuan tersebut.

Disertakan maklumat tambahan untuk rujukan di lampiran D untuk jadual kenaikan yuran pengajian KUIS seperti jadual I dan perbandingan yuran di antara IPTS lain seperti jadual II.

LAMPIRAN D

JADUAL I : KADAR KENAIKAN YURAN PENGAJIAN						
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR (KUIS)						
PERKARA	TAHUN					
	1995-1999	2000-2002	2003-2004	2005-2006	2007-2013	2014- 2018
	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)
DIPLOMA						
YURAN PENGAJIAN BIASA /JK	25.00	25.00	35.00	45.00	95.00	95.00
YURAN PENGAJIAN MULTIMEDIA/JK					100.00	100.00
YURAN PEPERIKSAAN	10.00	10.00	20.00	30.00	60.00	60.00
JUMLAH YURAN PENGAJIAN	2,918.33	2,918.33	4,291.67	5,665.00	11,845.00	11,605.00
IJAZAH						
YURAN PENGAJIAN BIASA /JK				150.00	225.00	225.00
YURAN PENGAJIAN MULTIMEDIA/JK					245.00	245.00
YURAN PEPERIKSAAN				50.00	80.00	80.00
JUMLAH YURAN PENGAJIAN				20,083.33	30,333.33	36,985.00
Nota :						
<i>*Jumlah Yuran Pengajian adalah merujuk dan mengambil kira kepada kos pengajian yang mempunyai jam kredit yang tertinggi dlm peringkat pengajian.</i>						

JADUAL II

PERBANDINGAN YURAN PENGAJIAN KUIS DENGAN IPTS DI MALAYSIA

BIL	NAMA IPTS	2018				
		YURAN ASASI	YURAN DIPLOMA	YURAN IJAZAH	YURAN SARJANA	YURAN PHD
1	Kolej Insaniah (sekarang UNISHAMS)	4,000	15,550	24,00-29,200	49,920	20,800
2	Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)	Percuma	13,000-18,000	29,000 - 38,000	16,000-18,000	27,000-34,000
3	Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM)	13,305	10,000-14,000	31,000-34,000	Tiada	Tiada
4	Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS)	Tiada	13,000-18,000	35,480	Tiada	Tiada
5	Kolej Islam Darul Ridzuan (sekarang USAS)	10,875	33,670	36,000	43,400	32,960
6	KIPSAS (sekarang KUIPSAS)	6,800	17,000-18,000	29,000 - 38,000	Tiada	Tiada
7	Universiti Industri Selangor (UNISEL)	11,000-13,000	14,000-44,000	24,00-54,000	Tiada	Tiada

NOTA :

1. UniSHAMS mendapat geran Kerajaan Negeri sebanyak RM 6 juta setahun & biasiswa Lembaga Zakat Negeri Kedah.
2. KUIS milik Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).

3. *KUIM mendapat geran daripada kerajaan Negeri Melaka.*
4. *KIAS mendapat geran daripada kerajaan Negeri Kelantan.*
5. *USAS mendapat geran daripada kerajaan Negeri Perak.*
6. *KUIPSAS mendapat geran daripada kerajaan Negeri Pahang.*
7. *UNISEL mendapat dana daripada Kerajaan Negeri Selangor.*

Sumber daripada:

*Pejabat Timbalan Rektor Pengurusan Korporat
(Pembangunan & Pengantarabangsaan)
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
27 Ogos 2018*

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : PERIZABAN TANAH KAWASAN ORANG ASLI (KOA) SELANGOR

25. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan status perizaban tanah KOA Negeri Selangor secara terperinci.
- b) Nyatakan cara penyelesaian KOA yang terletak dalam kawasan rizab hutan.
- c) Apakah tindakan Kerajaan Negeri sekiranya pelan permohonan JAKOA tidak mematuhi spesifikasi yang diperlukan oleh Pejabat Tanah Daerah bagi tujuan pewartaan?

JAWAPAN:

- a) Jumlah bilangan kampung Orang Asli dan keluasan yang telah diwartakan sebagai kawasan atau Rizab Orang Asli sehingga 2018 mengikut daerah seperti lampiran:-
- b) Pihak Berkuasa Negeri melalui kaedah-kaedah boleh membenarkan penempatan Orang Asli di dalam mana-mana kawasan yang diisytiharkan sebagai rizab hutan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 10 Akta 134 Akta Orang Asli 1954. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah mengenal pasti rizab hutan yang menjadi kawasan penempatan Orang Asli. Seterusnya proses penyediaan pelan ukur sedang dilaksanakan supaya penandaan sempadan tanah dapat dilaksanakan untuk direkodkan bersama maklumat bilangan penduduk dan kumpulan etnik yang terlibat.
- c) Pihak Berkuasa Negeri akan meluluskan perizaban mana-mana Tanah Kerajaan untuk maksud penempatan/ kawasan Orang Asli melalui permohonan lengkap yang dikemukakan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) bersama pelan pra-hitungan (pre-com plan) yang disediakan oleh Juruukur Berlesen. Permohonan akan diangkat untuk pertimbangan dan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. Seterusnya kawasan yang telah diluluskan sebagai Kawasan Orang Asli akan diukur halus oleh pihak Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) untuk pengeluaran Pelan Warta (PW). Setelah Pelan Warta diperolehi maka urusan pengisytiharan perizaban Kawasan Orang Asli akan diwartakan dalam Warta Kerajaan Negeri Selangor. Oleh itu, ketiadaan pelan pra hitungan yang disediakan

oleh Juruukur Berlesen akan menyebabkan proses kelulusan perizaban tidak dapat dilaksanakan kerana penentuan garis sempadan tanah tidak dapat dikenalpasti. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui Pejabat Tanah dan Galian Selangor sentiasa mengadakan mesyuarat berkala bersama pihak JAKOA dan semua Pentadbir Tanah bagi membantu menyelesaikan urusan pemertanian Kawasan Orang Asli. Laporan status permohonan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Pengarah Tanah dan Galian Selangor bersama Pentadbir-Pentadbir Tanah Daerah Negeri Selangor sebanyak 4 kali setahun. Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) turut memantau pelaksanaan pemertanian Kawasan Orang Asli dari masa ke semasa.

LAMPIRAN

RINGKASAN MAKLUMAT PERIZABAN KAMPUNG ORANG ASLI

Daerah	Jumlah KOA yang telah diwartakan						Jumlah baki KOA yang perlu diselesaikan						
	Jumlah KOA	Sakai Rizab	Seksyen 62 KTN	Seksyen 6 AOA	Seksyen 7 AOA	Jumlah KOA yang selesai	Dalam kawasan Rizab Hutan	Pertindihan dengan Tanah Hakmilik	Telah lulus secara pemberimilikan bagi tujuan pertanian	Pelan tidak mengikut spesifikasi / Ulasan JAKOA	Belum terima permohonan (dalam tindakan JAKOA)	Dalam proses perizaban (tindakan PTD/PTGS)	Jumlah KOA yang belum selesai
Selangor	15	5	0	2	1	8		4				3	7
Hulu Selangor	16	0	2	0	0	2		3	2	8		1	14
Gombak	8	0	1	0	1	2	5				1		6
Petaling	4	0	0	0	0	0	2					2	4
Hulu Langat	10	3	0	0	0	3	1	1		3		2	7
Kuala Langat	19	7	0	2	1	10				1	1	7	9
Klang	3	0	1	0	0	1					2		2
Jumlah	75	15	4	4	3	26	8	8	2	12	4	15	49

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
(N15 TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : MEMBINA GERAJ-GERAI UNTUK PARA BELIA

26. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha dari pihak Kerajaan Negeri untuk membina gerai-gerai untuk digunakan bagi peniaga kecil terutama para belia yang baru berjinak-jinak menceburi bidang perniagaan?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mempunyai pelbagai inisiatif bagi membina gerai-gerai untuk digunakan oleh peniaga kecil terutama para belia yang baru berjinak-jinak. Antaranya adalah:
- i) MPAJ menubuhkan penempatan penjaja sementara (Zonning Penjaja) dan masih mempunyai sebanyak 182 kekosongan petak penjaja merangkumi 3 sesi (pagi, petang, dan malam).
 - ii) Kebanyakan PBT menggalakkan golongan belia untuk berniaga di tapak-tapak penjaja yang disediakan oleh Majlis selain memberi peluang berniaga di pasar malam/pagi, tertakluk kepada kekosongan.
 - iii) Pada tahun 2018, terdapat banyak tapak-tapak baru yang dibuka oleh PBT bagi tujuan tapak-tapak pasar malam dan food truck. Sebagaimana diketahui umum, perniagaan food truck ini semakin diminati oleh golongan belia. Dengan penyediaan tapak-tapak ini, Kerajaan Negeri berharap semakin ramai belia akan menceburi bidang perniagaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PEMBANGUNAN SUKAN NEGERI SELANGOR

27. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan langkah-langkah Kerajaan Negeri Selangor untuk pembangunan sukan dan atlet di Negeri Selangor.
- b) Senaraikan semua program pembangunan yang telah dilaksanakan pada tahun 2017 serta kosnya.

JAWAPAN:

- a) Program Pembangunan Sukan Negeri sentiasa konsisten setiap tahun dan hasilnya Negeri Selangor telah menjadi juara Sukan Malaysia (SUKMA) sebanyak 10 kali sepanjang 18 edisi Sukan Malaysia (SUKMA) diadakan. Selain itu juga, lebih dari 40 peratus atlet Selangor terpilih untuk mewakili Negara di kejohanan sukan berprestij seperti Sukan Sea, Sukan Asia, Sukan Komenwel dan Sukan Olimpik.

Di antara langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk menjadikan Selangor sebagai salah satu hub sukan negara adalah dengan mempraktikkan konsep *2i* iaitu *incorporate* dan *intergrate* dengan semua agensi dan jabatan yang menjalankan program pembangunan sukan secara langsung dan tidak langsung di Negeri Selangor ini.

Melalui konsep *2i* ini, Majlis Sukan Negeri Selangor yang merupakan badan induk sukan negeri bertanggungjawab untuk menyelaraskan program pembangunan sukan di peringkat daerah iaitu Pusat Latihan Daerah (PLD) dengan kerjasama Majlis Sukan Daerah, Persatuan Sukan Negeri dan Unit Sukan Prestasi Tinggi Negeri (USPTN) bagi memastikan sukan-sukan di setiap daerah berjalan dengan lancar.

Pusat Latihan Daerah (PLD) diwujudkan untuk merancakkan lagi pembangunan sukan di daerah. Selain itu, dapat membantu Majlis Sukan Negeri Selangor untuk mencari bakat-bakat baru bagi mewakili Negeri Selangor.

b) Pada tahun 2017, sebanyak RM11 juta yang telah diperuntukkan untuk program pembangunan sukan. Antara program pembangunan yang telah dilaksanakan pada tahun 2017 adalah seperti berikut:-

i. Program Persediaan SUKMA 2018

- Sukan-sukan yang dipilih untuk meneruskan latihan setelah tamatnya SUKMA 2016 adalah seperti sukan Renang, Berbasikal, Olahraga, Angkat Berat, Gimnastik & Gimrama, Menembak, Memanah dan lain-lain sukan yang melibatkan pembayaran elaun, sewaan venue, bayaran jurulatih dan termasuk peralatan.

ii. Sukan Selangor (SUKSES)

- Penganjuran Sukan Selangor (SUKSES) secara dwi tahunan bagi persediaan memilih atlet yang berpotensi untuk diserapkan ke program pra-elit dan elit untuk persediaan SUKMA di masa akan datang.

iii. Program Latihan Majlis Sukan Daerah (PLMSD)

- Program pembangunan sukan akar umbi yang dijalankan di setiap daerah oleh Majlis Sukan Daerah (MSD).

iv. Unit Sukan Prestasi Tinggi Negeri (USPTN)

- Program di bawah seliaan Majlis Sukan Negara yang menjalankan program pembangunan sukan peringkat akar umbi di Negeri Selangor.

v. Akademi Bolasepak Merah Kuning (ABMK) Daerah

- Akademi bolasepak yang baru ditubuhkan di daerah-daerah hasil daripada inspirasi DYMM Sultan Selangor bagi pembangunan bolasepak di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : INSTITUT WANITA BERDAYA (IWB)

28. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pengurusan IWB terkini?
- b) Apakah aktiviti dan perancangan yang dilakukan sepanjang penubuhan IWB?
- c) Berapakah jumlah perbelanjaan yang telah dibelanjakan selama IWB ditubuhkan?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah meluluskan penubuhan Institut Wanita Berdaya (IWB) Selangor sebagai badan pemikir atau *think tank* untuk merencana dasar dan inisiatif baru yang lebih progresif ke arah kemajuan dan pemberdayaan wanita serta memartabatkan wanita demi merealisasikan Selangor sebagai sebuah negeri yang inklusif, lestari dan adil.

Pengujudan dan jalinan kerjasama IWB sebagai *think tank* melalui penggemblerangan kepakaran, pengalaman dan pemikiran ini membantu dalam memperkukuhkan usaha Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan Wanita dan Keluarga mencapai misi pemberdayaan wanita di Selangor.

Sebagai makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, pengurusan IWB kini diterajui oleh seorang Ketua Pegawai Eksekutif dan beliau dibantu dan disokong oleh Pengarah Polisi dan Program, Ketua Pegawai Operasi dan Eksekutif Kanan Kewangan. Manakala fungsi di bawah kelolaan Ketua Pegawai Operasi adalah termasuk sumber manusia, pengurusan data, media dan komunikasi, serta urusan pentadbiran.

- b) Berikut adalah senarai aktiviti dan perancangan yang dilakukan disepanjang penubuhan IWB untuk manfaat wanita di Selangor:

No	Program	Perincian	Tempoh
1	Dasar Wanita Selangor dan Pelan Tindakan 2017-2020	Penyediaan dan Pelancaran Dasar Wanita yang inklusif selari dengan SDG 5, CEDAW dan Pelan Tindakan Beijing	Julai 2017
2	Program Perlindungan Kanak-Kanak	Program bertujuan untuk memberdayakan ibu-bapa dan masyarakat tentang pentingnya perlindungan kepada kanak-kanak daripada penderaan seksual, seksual grooming dan ancaman pedofil.	Feb – Sept 2018
3	Penerbitan Komik Hormat Wanita	Untuk memberi kefahaman mengenai kepentingan menghormati wanita dalam kerangka keadilan sosial.	April 2018
4	Persidangan Gender & Reformasi Pilihanraya	Menggesa perbincangan dan kajian mengenai keterlibatan golongan wanita dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) dipercepatkan, yang mana ia selaras dengan bilangan wanita yang semakin bertambah dalam parti politik di Malaysia	Nov 2017
5	Seminar Work Life Balance	Perkongsian tentang isu dan cabaran pelaksanaan WLB dan hubungan WLB dengan kepuasan pekerja	Mac 2018
6	Bengkel Pendidikan & Latihan Anak Istimewa	Pengenalan kepada kegunaan kaedah Neuroplasticity didalam mendidik anak istimewa	Ogos & Sept 2018
7	Pusat Jaringan Muafakat Wanita Berdaya	Pemberdayaan wanita terpinggir didalam aspek kesihatan, sosial dan ekonomi.	Sept – April 2019
8	Penerbitan Booklet Wanita Berdaya	Memaparkan 10 orang tokoh wanita yang dapat memberikan inspirasi tentang kemampuan wanita dalam menghadapi cabaran yang pelbagai.	Ogos – Nov 2018
9	Program Kesedaran Gender	Meningkatkan kesedaran masyarakat khususnya lelaki dalam isu-isu keadilan gender melalui	Sept – Februari 2019

No	Program	Perincian	Tempoh
		penganjuran kempen, forum, dialog dan seminar	
10	Geran Penyelidikan	Dana khusus bagi menjalankan kerja-kerja penyelidikan yang berkaitan dengan wanita selaras dengan Dasar Wanita Selangor	Sila lihat rajah Jadual Penyelidikan
11	Pembentukan Jawantankuasa Pengarusperdanaan Gender dan Perlantikan GFP Dan Bajet Responsif Gender	Mengarusperdanakan Pentadbiran Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan kearah kesaksamaan gender	Dari 2019

Manakala, berikut adalah senarai Geran Penyelidikan yang telah dan sedang dalam penyediaan kajian.

No	Geran Penyelidikan	Rakan kongsi Strategik	Status
1	Kajian Gender Di Selangor: A Scoping Study	Universiti Malaya	April – Julai 2018
2	Cadangan Reformasi Undang-Undang Syariah	Tetuan Fahda Nur & Yusmadi	April – Sept, 2018
3	Wanita Dalam Penyertaan & Pemberdayaan Politik Di Malaysia	Universiti Kebangsaan Singapura (NUS)	April- Ogos, 2018
4	Diskriminasi Gender Dalam Pekerjaan Dikalangan Golongan Professional Di Negeri Selangor	UIAM	Telah diluluskan dan akan dimulakan apabila dana diterima.

No	Geran Penyelidikan	Rakan kongsi Strategik	Status
5	Tahap Dan Indeks Keberkesanan Program Mikrokredit Terhadap Pemberdayaan Ibu Tunggal Di Selangor	KUIS	Telah diluluskan dan akan dimulakan apabila dana diterima.
6	Kesenjangan Teknologi Dikalangan Wanita Selangor Dalam Era Digital	KUIS	
7	<i>Demand And Supply Of Women's Shelter In Selangor</i>	<i>Women's Aid Organisation (WAO)</i>	
8	Kajian Terhadap Pelaksanaan Keseimbangan Hidup-Bekerja	Akan ditentukan	Dalam perancangan

- c) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, sepanjang penubuhan IWB iaitu mulai April 2017 sehingga 23 Ogos 2018, IWB telah membelanjakan sebanyak RM1,539,800.00 untuk pelaksanaan program dan RM450,000.00 bagi geran penyelidikan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : RUMAH KOS RENDAH DAN MAMPU MILIK

29. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah skim-skim perumahan kos rendah / mampu milik yang masih dibuka untuk permohonan di bawah Kerajaan Negeri Selangor?
- b) Berapakah jumlah bilangan permohonan rumah kos rendah / mampu milik yang masih sedang menunggu giliran sehingga tahun 2018?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah skim perumahan kos rendah telah dijenamakan semula kepada Skim Rumah Selangorku Jenis A / mampu milik yang masih dibuka untuk permohonan di bawah Kerajaan Negeri Selangor adalah seperti berikut :

BIL	DAERAH	JUMLAH PROJEK
1	PETALING	10
2	KLANG	6
3	HULU LANGAT	14
4	GOMBAK	7
5	SEPANG	9
6	HULU SELANGOR	2
7	KUALA SELANGOR	5
8	KUALA LANGAT	4
9	SABAK BERNAM	2
JUMLAH		59

Perincian projek Rumah Selangorku / mampu milik yang masih dibuka untuk pendaftaran permohonan kepada orang awam seperti **Lampiran 1**.

- b) Jumlah bilangan permohonan Rumah Selangorku / mampu milik yang sedang menunggu giliran yang telah direkodkan sehingga tahun 2018 sebanyak **120,655 pemohon** seperti berikut :

BIL	DAERAH	PERMOHONAN			
		Jenis A (Kos Rendah)	Jenis B	Jenis C	Jenis D
		RM42,000 seunit	RM100,000 seunit	RM150,000 sehingga RM180,000 seunit	RM250,000 seunit
1	PETALING	28,097	4,249	8,140	3,002
2	KLANG	15,539	707	4,767	2,903
3	HULU LANGAT	7,223	2,327	2,967	1,860
4	GOMBAK	8,196	818	4,098	964
5	SEPANG	2,532	2,506	2,352	809
6	HULU SELANGOR	2,037	207	225	725
7	KUALA SELANGOR	3,355	192	1,900	1,010
8	KUALA LANGAT	3,198	1,023	768	967
9	SABAK BERNAM	790	37	77	88
JUMLAH		70,967	12,066	25,294	12,328
KESELURUHAN		120,655 PEMOHON			

LAMPIRAN 1**SENARAI PROJEK RUMAH SELANGORKU YANG MASIH DIBUKA PENDAFTARAN PERMOHONAN KEPADA ORANG AWAM**

BIL	JENIS	NAMA PROJEK	PEMAJU	MUKIM	HARGA RUMAH	BIL. UNIT DIBINA
PETALING						
1.	Jenis C1	Pangsapuri Nadayu 801	Teguh Majuria Sdn Bhd	Sungai Buluh	RM170,000	53
2.	Jenis C2	Pangsapuri Nadayu 801	Teguh Majuria Sdn Bhd	Sungai Buluh	RM200,000	79
3.	Jenis D	Pangsapuri Nadayu 801	Teguh Majuria Sdn Bhd	Sungai Buluh	RM250,000	131
4.	Jenis B	De Cendana, Setia Alam	Bandar Setia Alam Sdn. Bhd.	Bukit Raja	RM100,000	624
5.	Jenis B	Taman Puchong Utama	Hillcrest Gardens Sdn Bhd	Petaling	RM100,000	464
6.	Jenis C	Taman Puchong Utama	Hillcrest Gardens Sdn Bhd	Petaling	RM195,000	464
7.	Jenis D	Taman Puchong Utama	Hillcrest Gardens Sdn Bhd	Petaling	RM220,000	234
8.	Jenis C	Pangsapuri Harmoni, Putra Heights	Sime Darby Putra Heights Development Sdn Bhd	Damansara	RM180,000	700
9.	Jenis D	Pangsapuri Harmoni, Putra Heights	Sime Darby Putra Heights Development Sdn Bhd	Damansara	RM250,000	1000
10.	Jenis D	Residensi Medan	Tact Mission Sdn. Bhd.	Petaling	RM250,000	375

BIL	JENIS	NAMA PROJEK	PEMAJU	MUKIM	HARGA RUMAH	BIL. UNIT DIBINA
KLANG						
11	Jenis B	Pangsapuri Karya	Selaman Sejati Sdn. Bhd.	Klang	RM100,000	40
12	Jenis C	Pangsapuri Karya	Selaman Sejati Sdn. Bhd.	Klang	RM185,000	40
13	Jenis C	Sungai Kapar Indah	Npo Land Sdn. Bhd.	Kapar	RM200,000	256
14	Jenis D	Apartment Trifolis	Gemilang Waras Sdn. Bhd.	Klang	RM250,000	372
15	Jenis C	Bandar Bukit Raja (Fasa 17b)	Sime Darby Usj Development Sdn. Bhd.	Kapar	RM180,000	118
16	Jenis D	Bandar Bukit Raja (Fasa 17b)	Sime Darby Usj Development Sdn. Bhd.	Kapar	RM250,000	452
HULU LANGAT						
17	Jenis C	Tiara South Semenyih	Kueen Lai Properties Sdn. Bhd.	Semenyih	RM180,000	106
18	Jenis D	S1 Townhouse	Seri Nova Development Sdn. Bhd.	Beranang	RM220,000	24
19	Jenis D	Pangsapuri Acacia	Mayland Venue Sdn. Bhd.	Semenyih	RM220,000	216
20	Jenis D	Rsku @ Puncak Indah	Granstep Development Sdn. Bhd.	Ampang	RM250,000	176
21	Jenis D	Surian Tropika Apartment	Pan Majestic Development Sdn. Bhd.	Cheras	RM250,000	124

BIL	JENIS	NAMA PROJEK	PEMAJU	MUKIM	HARGA RUMAH	BIL. UNIT DIBINA
22	Jenis C	Residensi Jaya	Jitu Enigma Sdn. Bhd.	Cheras	RM210,000	172
23	Jenis D	Residensi Jaya	Jitu Enigma Sdn. Bhd.	Cheras	RM250,000	222
24	Jenis A	Jade Hills	Jade Homes Sdn. Bhd.	Kajang	RM42,000	142
25	Jenis B	Jade Hills	Jade Homes Sdn. Bhd.	Kajang	RM100,000	72
26	Jenis C	Jade Hills	Jade Homes Sdn. Bhd.	Kajang	RM180,000	72
27	Jenis D	Jade Hills	Jade Homes Sdn. Bhd.	Kajang	RM220,000	428
28	Jenis C	Pangsapuri Taming Mutiara	Tanming Management Sdn Bhd	Cheras	RM250,000	173
29	Jenis B	Sutera Bayu	Fabulous Range Sdn Bhd	Cheras	RM100,000	30
30	Jenis C	Sutera Bayu	Fabulous Range Sdn Bhd	Cheras	RM165,000	90
SEPANG						
31	Jenis C1	Pangsapuri Alpinia	Hap Seng Land Development (Puchong) Sdn. Bhd.	Dengkil	RM170,000	240
32	Jenis C2	Pangsapuri Alpinia	Hap Seng Land Development (Puchong) Sdn. Bhd.	Dengkil	RM200,000	232
33	Jenis B	Seri Warisan	Gema Padu Sdn. Bhd.	Dengkil	RM100,000	33
34	Jenis C	Seri Warisan	Gema Padu Sdn. Bhd.	Dengkil	RM180,000	305

BIL	JENIS	NAMA PROJEK	PEMAJU	MUKIM	HARGA RUMAH	BIL. UNIT DIBINA
35	Jenis C	Salak Mercu	Grintera Sdn. Bhd.	Labu	RM180,000	40
36	Jenis D	Salak Mercu	Grintera Sdn. Bhd.	Labu	RM220,000	90
37	Jenis C	Apartment Bestari	OIB Properties (CV) Sdn. Bhd	Labu	RM150,000	65
38	Jenis B	Dahlia Impiana	Maxilux Properties Sdn Bhd	Dengkil	RM100,000	150
39	Jenis C	Dahlia Impiana	Maxilux Properties Sdn Bhd	Dengkil	RM190,000	150
GOMBAK						
40	Jenis C	Danau Ria	Bandar Serai Development Sdn. Bhd.	Rawang	RM180,000	200
41	Jenis D	Danau Ria	Bandar Serai Development Sdn. Bhd.	Rawang	RM220,000	464
42	Jenis C	M Residence 2	Elite Park Development Sdn. Bhd.	Rawang	RM170,000	488
43	Jenis D	RMM Kota Puteri	Pkns	Rawang	RM185,000	198
44	Jenis B	Laman Adonis 1	Gamuda Land (Botanic) Sdn Bhd	Rawang	RM100,000	24
45	Jenis C	Laman Adonis 1	Gamuda Land (Botanic) Sdn Bhd	Rawang	RM195,000	24
46	Jenis D	Laman Adonis 1	Gamuda Land (Botanic) Sdn Bhd	Rawang	RM220,000	182

BIL	JENIS	NAMA PROJEK	PEMAJU	MUKIM	HARGA RUMAH	BIL. UNIT DIBINA
KUALA LANGAT						
47	Jenis A	Bandar Rimbayu	Bandar Rimbayu Sdn. Bhd.	Tanjung Dua Belas	RM 42,000	60
48	Jenis B	Bandar Rimbayu	Bandar Rimbayu Sdn. Bhd.	Tanjung Dua Belas	RM100,000	120
49	Jenis D	Morib Anggun	Sentoria Harta Sdn. Bhd.	Morib	RM220,000	630
50	Jenis D	Taman Langat Utama 3	Sp Bahau Development Sdn. Bhd.	Tanjung Dua Belas	RM250,000	20
KUALA SELANGOR						
51	Jenis C	Saujana Perdana	Kelana Kualiti Sdn. Bhd.	Ijok	RM180,000	180
52	Jenis D	Eristana	Seristana Sdn. Bhd.	Ijok	RM220,000	405
53	Jenis C	Residensi Pinang, Hillpark	Hillpark Resources Sdn. Bhd	Ijok	RM180,000	356
54	Jenis D	Residensi Pinang, Hillpark	Hillpark Resources Sdn. Bhd	Ijok	RM220,000	40
55	Jenis D	Taman Mutiara	Soon Sin Hin Development Sdn Bhd	Hujung Permatang	RM250,000	32

BIL	JENIS	NAMA PROJEK	PEMAJU	MUKIM	HARGA RUMAH	BIL. UNIT DIBINA
SABAK BERNAM						
56	Jenis C	Taman Emas – Sabak Bernam	Lian Soon Tiam Sdn. Bhd.	Pancang Bedena	RM220,000	41
57	Jenis D	Taman Emas – Sabak Bernam	Lian Soon Tiam Sdn. Bhd.	Pancang Bedena	RM250,000	54
HULU SELANGOR						
58	Jenis D	Taman Keruing Rasa	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	Batang Kali	RM200,000	66
59	Jenis D	Antara Gapi	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	Serendah	RM250,000	80

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI
(N12 JERAM)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN TANAH-TANAH YANG TELAH DIWARTAKAN
SEBAGAI TAPAK MASJID, SURAU DAN SEKOLAH AGAMA**

30. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kenapakah Kerajaan Negeri tidak menetapkan syarat kepada pemaju agar menyediakan surau dan kemudahan asas sebagai syarat untuk meluluskan pembangunan mereka?
- b) Sejak bila kelulusan sedemikian diluluskan oleh Kerajaan Negeri Selangor kepada pemaju?

JAWAPAN:

- a) Dalam setiap skim pembangunan bercampur di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pihak pemaju disyaratkan menyediakan tapak-tapak kemudahan awam termasuk tapak surau mengikut piawaian perancangan yang disediakan. Begitu juga bagi pembangunan kediaman bertingkat dan perniagaan juga perlu menyediakan ruang kemudahan surau untuk kegunaan komuniti setempat.
- b) Pengeanaan syarat bagi penyediaan kemudahan-kemudahan telah pun digunapakai sejak piawaian perancangan disediakan oleh PlanMalaysia@Selangor sejak awal tahun 1970an.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT
(N14 RAWANG)**

TAJUK : ISU PROJEK PELEBARAN JALAN

31. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah Projek Pelebaran Jalan Batu Arang (B27) fasa 2 yang telah bermula pada tahun 2013 akan disiapkan?
- b) Bagaimanakah untuk memastikan keselamatan pengguna di atas jalanraya tersebut yang tidak sempurna dengan baik?
- c) Bagaimana kerajaan memastikan kontraktor yang dilantik adalah yang berkaliber?

JAWAPAN:

- a) Projek pelebaran Jalan B27 yang sedang di dalam peringkat pembinaan telah mencapai peratus kemajuan 77% dan tarikh tamat kontrak bagi projek ini adalah pada 2 Oktober 2018.
- b) Sepertimana diperuntukan di dalam kontrak, kerja penyenggaraan jalan yang terlibat di dalam kawasan pembinaan adalah terletak di bawah tanggungjawab pihak kontraktor yang dilantik. JKR selaku agensi pelaksana sedang membuat pemantauan rapi di tapak bagi memastikan segala kerja penyenggaraan dilaksanakan dengan sempurna demi keselamatan pengguna jalanraya yang menggunakan laluan tersebut. Antara langkah keselamatan yang dikuatkuasakan adalah laporan Pelan Pengurusan Trafik yang melibatkan penyediaan papan tanda amaran, traffic barrier dan blinkers. Amaran telah dikeluarkan dari masa ke semasa diatas kepada pihak kontraktor menjalankan kerja penyenggaraan mengikut kontrak.
- c) Proses tender melalui kaedah tender terbuka dan penilaian kontraktor adalah berdasarkan bidang penkhususan yang ditetapkan, kemampuan kontraktor melaksanakan kerja dari segi teknikal, kewangan, tenaga pekerja, jumlah kontrak dalam pelaksanaan dan rekod pengalaman kerja.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE
(N47 PANDAMARAN)**

TAJUK : PELABUHAN KLANG TELAH MENJADIKAN BANDAR TERBIAR

32. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Pelabuhan Klang telah terbiar selama sepuluh tahun akibat tidak dipedulikan oleh Kerajaan BN. Pakatan telah memerintah sekarang dan perlu fokus membangunkan semula PK. Adakah Kerajaan Selangor akan bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan untuk membangunkan Pelabuhan Klang dan langkah yang akan diambil?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor melalui PLAN Malaysia @Selangor telah menyediakan satu pelan perancangan iaitu Pelan Induk Pelabuhan Klang yang menyediakan perancangan terperinci untuk kawasan Pelabuhan Klang yang merangkumi semua aspek seperti gunatanah, kemudahan infrastruktur dan utiliti, sistem pengangkutan, lanskap dan kemudahan rekreasi bagi tujuan penambahbaikan dan pembangunan semula Bandar Pelabuhan Klang.

Majlis Perbandaran Klang mengambil perhatian dan mengenalpasti kawasan-kawasan mundur dan tidak berdaya maju seperti di kawasan Jalan Kem, Jalan Tengku Badar dan pusat bandar di mana antara kekangan pembangunan adalah tanah milik persendirian dan tanah-tanah industri awam milik agensi persekutuan. Pelan tindakan akan dibuat melibatkan agensi persekutuan dan Lembaga Pelabuhan Klang untuk merancang dan membangunkan semula tanah-tanah terbiar dan bangunan-bangunan usang sejajar dengan Pelabuhan Klang sebagai pintu masuk utama negara melalui jalan air.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : PELUANG PEKERJAAN BIDANG BERKEMAHIRAN TINGGI

33. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan dalam menyediakan peluang pekerjaan khususnya bidang berkemahiran tinggi dan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor sangat komited dan mengambil pelbagai inisiatif dalam menyediakan peluang pekerjaan khususnya dalam bidang berkemahiran tinggi seterusnya mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing. Program Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Ikhtisas *Smart* Selangor (IKTISASS) merupakan langkah proaktif bagi melatih golongan belia dalam bidang kemahiran tinggi seperti *Big Data Analytics*, *Internet Security* dan program *Expert Craftsmen in programmable logic controller* (PLC) sedang dilaksanakan di bawah inisiatif *SMART Technical Workforce* dengan kerjasama Selangor Human Resources Development Centre (SHRDC).

Selain itu, *Ensuring Employability Program* (EEP) iaitu pemberdayaan graduan baru dengan bidang kemahiran tinggi yang memenuhi permintaan sumber tenaga manusia bagi industri bernilai tambah tinggi (*high add value industry*) dan pembuatan baru bernilai tinggi (*new high value manufacturing*) dalam sektor aeroangkasa, perubatan, kimia, elektrik dan elektronik yang merupakan lima industri yang telah dikenal pasti. Program ini menjuruskan pelatih dan syarikat yang terlibat ke arah mewujudkan revolusi industri 4.0.

Selain itu, bagi memastikan keperluan sumber tenaga manusia seiring dengan keperluan industri satu kerangka pelan komprehensif IKTISASS sedang dirangka dengan mengambil kira semua penggiat industri dengan kerjasama *Invest Selangor*, Perbadanan Menteri Besar (MBI), *MARA Aero-Tech*, *Selangor Human Resource Development Centre* (SHRDC) dan persatuan industri untuk menyediakan pelan latihan kepada sumber tenaga manusia yang memenuhi kriteria industri dengan menyediakan modul latihan yang akan dirangka khas supaya subjek-subjek dalam pengajian atau latihan selaras dengan keperluan industri. Oleh itu, dengan usaha yang diambil Kerajaan Negeri yakin dapat mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : RUMAH SELANGORKU

34. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah terkini Rumah Selangorku yang telah siap, sedang dibina dan telah diluluskan mengikut jenis.
- b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan jumlah tersebut memenuhi permintaan semasa?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Dasar Rumah Selangorku hanya mula diperkenalkan pada tahun 2014. Secara keseluruhannya sebanyak **104,680** unit Rumah Selangorku (RSKU) **telah diluluskan** oleh Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri sehingga 15 Ogos 2018. Sehingga 15 Ogos 2018, sebanyak **3,770** unit RSKU telah siap dibina dan telah diserahkan kunci. Manakala sebanyak **24,869** unit RSKU sedang dalam pembinaan. Perinciannya adalah seperti berikut :-

TAHUN	BIL PROJEK	SIAP DIBINA	DALAM PEMBINAAN	DALAM PERANCANGAN
2014	37 (15,135)	12 (2,738)	9 (6,858)	16 (5,683)
2015	75 (41,674)	5 (1,014)	19 (11,864)	51 (28,796)
2016	34 (18,924)	1 (12)	5 (3,361)	28 (15,551)
2017	45 (25,188)	1 (6)	2 (2,786)	42 (22,396)
2018	13 (3,565)	-	-	13 (3,565)
JUMLAH	204 (104,630)	19 (3,770)	35 (24,869)	150 (75,991)

Perincian Rumah Selangorku mengikut jenis adalah seperti berikut :-

Jenis RSKU	Dalam Perancangan	Dalam Pembinaan	Siap Dibina
A	12,401	583	-
B	14,277	3,711	20
C	28,439	11,946	2,290
D	20,874	8,629	1,460
JUMLAH	75,991	24,869	3,770

- b) Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam menyediakan Rumah Mampu Milik kepada golongan sasaran terutamanya golongan B40 dan M40. Sehingga 15 Ogos 2018, permohonan Rumah Selangorku yang direkodkan melalui Sistem Pendaftaran Rumah Selangorku adalah sebanyak **165,109** permohonan. Oleh yang demikian, kelulusan sebanyak **104,630** unit oleh Kerajaan Negeri dijangkakan mampu memenuhi permintaan pemohon Rumah Selangorku. Disamping itu juga, Kerajaan Negeri turut mensasarkan pembinaan 30,000 unit Rumah Selangorku dalam tempoh masa 5 tahun menjelang tahun 2023.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BAKHTIAR BIN MOHD NOR
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : PENGURUSAN SAMPAH DI MPKJ

35. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa bilangan kontraktor pembersihan MPKj dan berapa peruntukan yang telah dikeluarkan bagi pengurusan sampah oleh MPKj?
- b) Apakah tindakan yang diambil bagi mengatasi pembuangan sampah haram yang berulang-ulang?

JAWAPAN:

- a) Bilangan kontraktor pembersihan MPKj sebelum pengambilalihan kepada KDEB Waste Management Sdn Bhd ialah:

Kerja Perkhidmatan Sisa Pepejal – 15 zon kontraktor

Kerja Perkhidmatan Pembersihan Awam – 68 zon kontraktor

Peruntukan bagi kerja-kerja Perkhidmatan Sisa Pepejal & Pembersihan Awam adalah sebanyak:

Tahun	Kerja-kerja Perkhidmatan Sisa Pepejal	Kerja-kerja Perkhidmatan Pembersihan Awam
2016	RM 28,439,190.20	RM 31,177,833.50
2017	RM 28,756,387.94	RM 34,357,249.60
2018	RM 30,822,040.43	RM 33,308,159.51

- b) Bagi membanteras aktiviti pembuangan sampah haram yang berulang-ulang, pihak Majlis Perbandaran Kajang telah mengambil tiga kaedah iaitu :-
 - i. Membuat pembersihan sampah haram di kawasan pembuangan tapak sampah haram di bawah pentadbiran MPKj secara in – house.
 - ii. Meletakkan papan tanda **DILARANG MEMBUANG SAMPAH** di lokasi tapak pembuangan sampah haram.
 - iii. Aktiviti intipan sampah haram akan diadakan bagi mengenalpasti lori dan individu yang tidak bertanggungjawab membuang sampah di

lokasi yang tidak dibenarkan oleh MPKj dan akan dikenakan kompaun beserta tindakan sitaan lori di bawah UUK 4 & UUK 13(1) - *Undang-undang Kecil - Pembuangan, Pemungutan, dan Pelupusan Sampah Sarap Majlis Perbandaran Kajang 2007*.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)**

TAJUK : PENANAMAN POKOK BAKAU DAN TAMAN

36. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status kejayaan program penanaman pokok bakau dan adakah ianya mencapai sasaran ditetapkan?
- b) Apakah usaha-usaha lain yang telah dan akan diambil untuk mengekalkan hutan paya bakau tersebut?

JAWAPAN:

- a) Jabatan Perhutanan Negeri Selangor telah berjaya meningkatkan penanaman pokok bakau dan lain-lain spesies Hutan Paya Laut pada setiap tahun melalui projek tanaman dan kempen kesedaran awam terhadap kepentingan Hutan Paya laut (HPL).

Berikut merupakan jumlah tanaman pokok spesies Hutan Paya Laut bagi tahun 2013 – 2018 :-

AKTIVITI / PROGRAM TANAMAN	TAHUN						JUMLAH
	2013	2014	2015	2016	2017	2018 (sehingga Julai)	
KEMPEN KESEDARAN HPL Penglibatan: Pelbagai agensi kerajaan dan bukan kerajaan, NGO, sekolah, penduduk tempatan dll.	40,901	19,700	0	25,078	28,230	4,390	118,299
PELAKSANAAN PROJEK DI BAWAH PERUNTUKAN KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN KERAJAAN NEGERI	5,000	20,555	12,777	6,000	5,000	9,500	59,432

- b) Antara usaha-usaha Jabatan yang telah dan akan diambil untuk mengekalkan hutan paya bakau adalah seperti berikut:
- i. Memperbanyakkan program kesedaran awam;
 - ii. Meningkatkan aktiviti penguatkuasaan bagi mengelak berlakunya pencerobohan – Akta Perhutanan Negara; dan
 - iii. Memperkayakan Kawasan HPL dengan tanaman pelbagai spesies seperti bakau kurap, bakau minyak, api-api, perepat, rhu, berembang dan sebagainya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI
(N49 SUNGAI KANDIS)**

TAJUK : KAMPUNG TRADISI

37. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jumlah dan nama-nama kampung tradisi yang telah wujud lebih dari 100 tahun.
- b) Apakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan dalam mewartakan kampung-kampung ini sebagai warisan budaya Negara?

JAWAPAN:

- a) Hasil daripada kajian yang telah dilaksanakan oleh pihak PLANMalaysia@Selangor pada tahun 2016 menemukan terdapat 111 buah Kampung Tradisi yang telah berusia atau wujud lebih daripada 100 tahun.

Berikut merupakan senarai kampung-kampung tersebut mengikut daerah:

Daerah: Sabak Bernam			
Bil.	Nama Kampung	Tahun diasaskan	Usia Kampung (2018)
1	1. Kg. Sungai Tegar Selatan	1910	108
2	2. Kg. Parit Baru	1908	110
3	3. Kg. Bagan Simpang 4 BNO	1916	102
4	4. Kg. Tebuk Mufrad	1914	104
5	5. Kg. Baharu	1800	218
6	6. Kg. Tebuk Berihun	1916	102
7	7. Kg. Batu 38	1902	116
8	8. Kg. Batu 37 Darat	1897	121
9	9. Kg. Batu 2 Sepintas	1900	118
10	10. Kg. Panchang Bedena	1902	116
11	11. Kg. Sg. Lias Sg. Besar	1910	108
12	12. Kg. Sg. Limau	1908	110
13	13. Kg. Sg. Haji Dorani	1916	102

Daerah: Sabak Bernam

Bil.	Nama Kampung	Tahun diasaskan	Usia Kampung (2018)
14	14. Kg. Sg. Nipah Baroh	1826	192
15	15. Kg. Batu 23 Sg. Nibong	1900	118
16	16. Kg. Pasir Panjang	1911	107

Daerah: Kuala Selangor

Bil.	Nama Kampung	Tahun diasaskan	Usia Kampung (2018)
17	1. Kg. Ijok	1900	118
18	2. Kg. Bukit Badong	1916	102
19	3. Kg. Assam Jawa	1900	118
20	4. Kg. Bkt Kuching Tengah	1916	102
21	5. Kg. Bukit Hijau	1900	118
22	6. Kg. Sungai Sembilang	1916	102
23	7. Kg. Parit Serong	1901	117
24	8. Kg. Gulang-gulang	1898	118
25	9. Kg. Bukit Belimbing	1907	111
26	10. Kg. Bagan Sg. Tengkorak	1911	107
27	11. Kg. Bagan Sungai Kajang	1916	102
28	12. Kg. Baru Tiram Setia	1905	113

Daerah: Hulu Langat

Bil.	Nama Kampung	Tahun diasaskan	Usia Kampung (2018)
29	1. Kg. Baru Tarun/Broga	1850	168
30	2. Kg. Pangsun	1915	103
31	3. Kg. Broga	1911	107
32	4. Kg. Pandan Dalam	1900	118
34	5. Kg. Batu 10 Cheras	1885	133

Daerah: Hulu Langat

Bil.	Nama Kampung	Tahun diasaskan	Usia Kampung (2018)
35	6. Kg. Bukit Dukung	1915	103
36	7. Kg. Sesapan Batu Rembau	1876	142
37	8. Kg. Rinching Tengah	1890	128
38	9. Kg. Rinching Hilir	1915	103
39	10. Kg. Sesapan Batu Minangkabau	1886	132
40	11. Kg. Bukit Kepong	1880	138
41	12. Kg. Jalan Enam Kaki	1914	104
42	13. Kg. Kuala Pajam	1890	128
43	14. Kg. Sungai Kembong Hilir	1912	106
44	15. Kg Kuala Pangsun	1915	103
45	16. Kg Kuala Perdik	1800	218
46	17. Kg Jawa Batu 18	1912	106
47	18. Kg Sungai Lui Batu 20	1900	118
48	19. Kg Sg. Lui Batu 21	1900	118
49	20. Kg. Batu 14 Hulu Langat	1895	123
50	21. Kg. Sungai Serai	1912	106
51	22. Kg. Sungai Jernih	1900	118
52	23. Kg. Sungai Ramal Luar	1890	128
53	24. Kg. Teras Jernang	1866	152
54	25. Kg. Sungai Machang	1894	124
55	26. Kg. Sungai Purun	1845	173
56	27. Kg. Rinching Hulu	1905	113
57	28. Kg Batu 3	1890	128

Daerah: Gombak

Bil.	Nama Kampung	Tahun diasaskan	Usia Kampung (2018)
58	1. Kg. Kuala	1800	218
59	2. Kg. Tanjung	1874	144

Daerah: Gombak

Bil.	Nama Kampung	Tahun diasaskan	Usia Kampung (2018)
60	3. Kg. Melayu Batu Arang	1911	107
61	4. Kg. Setia	1917	101
62	5. Kg. Simpang Tiga	1800	218
63	6. Kg. Changkat	1913	105

Daerah: Petaling

Bil.	Nama Kampung	Tahun diasaskan	Usia Kampung (2018)
64	1. Kg. Baru Batu 14, Puchong	1912	106
65	2. Kg. Batu 14 Puchong	1915	103
66	3. Kg. Paya Jaras Tengah	1909	109
67	4. Kg. Merbau Sempak	1912	106

Daerah: Klang

Bil.	Nama Kampung	Tahun diasaskan	Usia Kampung (2018)
68	1. Kg. Bagan Hailam	1866	152
69	2. Kg. Bagan Sungai Lima	1886	132
70	3. Kg. Bagan Pulau Ketam	1866	152
71	4. Kg. Orang Asli Bagan Hailam	1900	118
72	5. Kg. Orang Asli Pulau Ketam	1900	118
73	6. Kg. Tok Muda	1914	104
74	7. Kg. Meru	1911	107
75	8. Kg. Perepat	1889	129
76	9. Kg. Sementa	1860	158
77	10. Kg. Batu 4 Jalan Kapar	1892	126
78	11. Kg. Batu Belah	1900	118
79	12. Kg. Rantau Panjang Klang	1890	128
80	13. Kg. Sungai Pinang Bandar	1900	118

Daerah: Klang			
Bil.	Nama Kampung	Tahun diasaskan	Usia Kampung (2018)
81	14. Kg. Padang Jawa Klang	1880	138
82	15. Kg. Delek	1899	119
83	16. Kg. Jawa	1860	158
84	17. Kg Batu 7 Jalan Kebun	1890	128

Daerah: Hulu Selangor			
Bil.	Nama Kampung	Tahun diasaskan	Usia Kampung (2018)
85	1. Kg. Baru Chuang Rasa	1900	118
86	2. Kg. Baru Gurney	1870	148
87	3. Kg. Baru Air Panas Kerling	1870	148
88	4. Kg. Orang Asli Serigala	1895	123
89	5. Kg. Kuantan	1910	108
90	6. Kg. Hulu Bernam Utara	1916	102
91	7. Kg. Kalong Tengah / Hilir	1800	218
92	8. Kg. Sungai Kamin/Hulu Kalong	1805	213
93	9. Kg. Keliang	1890	128

Daerah: Kuala Langat			
Bil.	Nama Kampung	Tahun diasaskan	Usia Kampung
94	1. Kg. Orang Asli Tg. Sepat	1900	118
95	2. Kg. Orang Asli Bukit Cheeding	1885	133
96	3. Kg. Orang Asli Bukit Tadam	1902	116
97	4. Kg. Sijangkang	1892	126
98	5. Kg. Telok Panglima Garang	1870	148
99	6. Kg. Bandar	1898	120
100	7. Kg. Sg. Buaya	1906	112
101	8. Kg. Kelanang	1890	128

Daerah: Kuala Langat			
Bil.	Nama Kampung	Tahun diasaskan	Usia Kampung
102	9. Kg. Kanchong Darat	1904	114
103	10. Kg. Sungai Lang Tengah	1910	108
104	11. Kg. Morib Dan Tali Air	1910	108
105	12. Kg. Batu Laut	1824	194

Daerah: Sepang			
Bil.	Nama Kampung	Tahun diasaskan	Usia Kampung
106	1. Kg. Dato' Abu Bakar Baginda	1910	108
107	2. Kg. Jenderam Hilir	1901	117
108	3. Kg. Jenderam Hulu	1910	108
109	4. Kg. Semarang	1900	118
110	5. Kg. Dengkil	1900	118
111	6. Kg. Bukit Bangkung	1917	101

- b) Buat masa ini belum ada pengesyoran agar kampung-kampung tradisi di Selangor diwartakan sebagai warisan budaya negara. Ini adalah kerana di dalam Akta Warisan Kebangsaan 2005, (Akta 645) tiada klausa untuk pewartaan kampung tradisi sebagai warisan budaya negara. Walau bagaimanapun, di Malaysia memang ada terdapat kampung-kampung tradisi yang dipulihara dan dipelihara untuk dijadikan sebagai produk pelancongan. Kampung-kampung tersebut adalah seperti Kampung Seronok di Pulau Pinang dan Perkampungan Hang Tuah di Melaka.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : KEBOLEHPASARAN BELIA

38. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha-usaha yang telah dan akan dilakukan Kerajaan Negeri dalam melatih golongan belia bagi meningkatkan ekonomi dan kebolehpasaran anak muda di Selangor?
- b) Berapakah peruntukkan yang disediakan untuk program-program ini dan apakah program yang menjadi keutamaan Kerajaan Negeri?

JAWAPAN:

- a) Program Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Ikhtisas *Smart* Selangor (IKTISASS) merupakan salah satu langkah proaktif yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam melatih golongan belia bagi meningkatkan ekonomi dan kebolehpasaran anak mudah di Negeri Selangor.

Melalui Program IKTISASS pelbagai bidang latihan yang ditawarkan merangkumi semua lapisan anak muda dengan kerjasama institusi latihan kemahiran, pusat latihan dan pihak industri. Program ini memberi fokus kepada 3 tahap bidang latihan iaitu industri di tahap rendah, sederhana dan industri berimpak tinggi.

Program pengajian di peringkat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) tahap 1 hingga 4 di laksanakan dengan kerjasama Institusi Pengajian Kemahiran seperti Kolej Antarabangsa INPENS, SST *And Consultancy Academy Sdn Bhd* , Kolej MEA TECH, dan Kolej Antarabangsa Intra untuk memberi peluang kepada golongan belia lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) khusus dan mereka yang berminat untuk meneruskan pengajian dan peningkatan tahap kemahiran. Melalui kerjasama dengan institusi ini, ia juga mewujudkan jaringan kerjasama dengan industri bagi tujuan penempatan latihan industri dan pekerjaan.

Selain itu, kerjasama dengan *Strand Aerospace* Malaysia merupakan program yang dijalankan bagi meningkatkan kualiti graduan dalam aspek keyakinan dan kemahiran bertindak untuk persediaan bekerja dengan industri berimpak tinggi yang seiring dengan revolusi industri 4.0. Pada penghujung latihan peserta yang terbaik akan diberi peluang untuk di temu duga bersama industri *aerospace dan syarikat multinasional*.

Melalui kerjasama dengan *Selangor Human Resources Development Centre* (SHRDC), Kerajaan Negeri menumpukan kepada pembangunan kemahiran belia serta mewujudkan pekerjaan secara langsung dengan syarikat yang mengambil bahagian. Pelaksanaan IKTISASS di SHRDC terbahagi kepada beberapa kategori.

Untuk kategori Belia Lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Program latihan kemahiran dengan kerjasama pihak industri bagi meningkatkan nilai tambah (*value-added*) kepada pekerja lepasan SPM, agar dapat menceburi bidang teknikal sesuai dengan perancangan tenaga kerja mahir syarikat yang terlibat. Selain itu, bagi menyokong jumlah bakat yang mencukupi untuk peralihan industri di Selangor ke arah aplikasi *Smart factory* dan *Smart Manufacturing* selaras dengan cabaran Industri 4.0. Program *Internship High Impact Talent* (i-HIT) dilaksanakan yang melibatkan graduan dalam bidang kejuruteraan.

Oleh itu, dengan usaha-usaha ia dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti golongan belia dan dapat meningkatkan kebolehpasaran sumber tenaga manusia.

- b) Peruntukan bagi pelaksanaan Program Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Ikhtisas *Smart* Selangor (IKTISASS) bagi tahun 2018 sebanyak RM52 juta. Oleh itu, usaha pembangunan belia dalam bidang latihan dan kebolehpasaran sentiasa menjadi keutamaan Kerajaan Negeri kerana belia merupakan aset dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan modal insan di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : TAMBAHAN PERUNTUKAN PROGRAM KISS

39. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menambah peruntukan dalam program KISS memandangkan program ini mendapat sambutan diluar jangkauan serta masih ramai yang perlu dibantu?

JAWAPAN:

- a) Sejak pelancaran Program Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) pada 22 Januari 2018 di Permatang Kuala Selangor, program ini telah mendapat sambutan yang luar biasa daripada rakyat Selangor dan Pejabat Dewan Undangan Negeri (DUN) pula telah didatangi oleh rakyat setempat yang ingin membuat permohonan untuk mendapatkan manfaat program ini.

Berdasarkan ucapan pembentangan belanjawan yang diumumkan oleh YAB Dato' Menteri Besar pada November 2017 yang lalu, Program KISS ini bakal memberi manfaat kepada 30,000 orang rakyat Selangor. Walau bagaimanapun, setelah diteliti dan dikaji semula sambutan yang menggalakkan ini, YAB Dato' Menteri Besar Selangor telah bersetuju untuk meningkatkan bilangan penerima Program KISS ini dari 30,000 orang kepada 40,000 orang penerima bagi tahun 2018. Perkara ini diumumkan pada Sidang Dewan Penggal Keenam Dewan Negeri Selangor Yang Ketiga Belas Tahun 2018 yang telah diadakan pada 26 hingga 30 Mac 2018 yang lalu serta keutamaan tetap diberikan kepada kaum ibu yang menepati kriteria dan syarat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

Peningkatan bilangan penerima bantuan ini jelas sekali menunjukkan bahawa bantuan sebegini dapat membantu rakyat Selangor berhadapan dengan kos sara hidup yang semakin meningkat disamping dapat menjalankan kehidupan yang sihat serta melahirkan institusi keluarga yang bahagia dan sejahtera.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN
(N53 MORIB)**

TAJUK : BAJET UNTUK BANTUAN RUMAH PRIHATIN

40. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bajet untuk bantuan Rumah Harapan Prihatin yang telah dibelanjakan untuk tahun 2018?
- b) Berapakah baki peruntukan tersebut?

JAWAPAN:

a) dan b)

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Morib di atas pertanyaan yang dikemukakan. Pertama sekali, saya beranggapan soalan yang ditujukan oleh Yang Berhormat Morib adalah mengenai Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin. Untuk makluman Yang Berhormat Morib, peruntukan di bawah Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin bagi tahun 2018 telah dibajetkan sebanyak RM1.5 juta berbanding RM1 juta pada tahun-tahun sebelumnya. Peningkatan peruntukan di bawah Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin ini jelas menunjukkan kejayaan-kejayaan yang dikecapi Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Kerajaan Prihatin yang telah banyak membantu rakyat di negeri ini bagi mendapatkan sebuah rumah yang selamat dan selesa untuk didiami. Terdapat dua jenis bantuan di bawah Program ini iaitu bantuan bina baru rumah 3 bilik beserta satu bilik air dengan kos RM50,000.00 bagi sebuah rumah dan bantuan baikpulih rumah dengan kos tidak melebihi RM20,000.00 bagi sebuah rumah bergantung kepada kerosakan yang dialami.

Di sepanjang tahun 2018, Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Kerajaan Prihatin telah membelanjakan peruntukan sedia ada sebanyak RM1,255,234.96 merangkumi perbelanjaan bina baru dan baikpulih rumah melibatkan 9 daerah.